| 1. Tujuan | 2. Kuasa Kerajaan Persekutuan | 3. Kuasa Kerajaan Negeri | 4. Senarai Bersama |
|---|---|---|---|
| ✓ **Melicinkan** pentadbiran/ **sistemtik**/ **peranan**<br>✓ Mengelakkan **pembolotan** kuasa<br>✓ **Seragam/** kewangan pendidikan<br>✓ Persekutuan **kuasa lebih** besar/ **kuat**<br>✓ Menjamin **kestabilan**<br>✓ **dan kemajuan** | ✓ **Parlimen** mengubal undang- undang<br>✓ Contoh **pelajaran kewangan**, **pertahanan,** keadilan,, hal ehwal luar negeri dll | ✓ Dewan Undang Negeri **(DUN)** menggubal undang-undang<br>✓ Contoh **tanah, undang-undang Islam**, kerajaan, Hari **cuti** negeri dll. | ✓ **Parlimen dan DUN menggubal undang-undang** atas perkara yang sama<br>✓ **Jika bercanggah**, undang-undang Persekutuan dipakai. Contoh<br>✓ **Biasiswa, perumahan**, kebajikan awam, kebudayaan dan sukan dll |

## T5 BAB 4 : 4.2 - KERAJAAN NEGERI & KUASA KERAJAAN PERSEKUTUAN

| KUASA @ SENARAI KERAJAAN NEGERI | | KUASA @ SENARAI KERAJAAN PERSEKUTUAN | |
|---|---|---|---|
| C | CUTI NEGERI | P | PERTAHANAN |
| U | UNDANG-UNDANG ISLAM | P | PENDIDIKAN |
| T | TANAH/ TEMPATAN | P | PERUBATAN |
| I | AIR | P | PENGANGKUTAN |




## 4.2 SENARAI PERSEKUTUAN, SENARAI NEGERI, SENARAI BERSAMA

### KENAL PASTI SENARAI KUASA BERIKUT

| BIL | SENARAI KUASA | SP | SN | SB |
|---|---|---|---|---|
| 1 | PERTAHANAN | ✓ | | |
| 2 | TANAH | | ✓ | |
| 3 | PERUBATAN | ✓ | | |
| 4 | PERUMAHAN | | | ✓ |
| 5 | UNDANG-UNDANG ISLAM | | ✓ | |
| 6 | PENDIDIKAN | ✓ | | |
| 7 | TEMPATAN | | ✓ | |
| 8 | BIASISWA | | | ✓ |
| 9 | KEWANGAN | ✓ | | |
| 10 | TAMAN NEGARA | | | ✓ |

SP = SENARAI PERSEKUTUAN

SN = SENARAI NEGERI

SB = SENARAI BERSAMA




= Tujuan pembahagian kuasa KP & KN adalah untuk mewujudkan pentadbiran yang sistematik agar negara akan menjadi maju. Seterusnya, untuk mengelakkan berlakunya pembolotan kuasa. Selain itu, untuk melicinkan pentadbiran.



4.3 KERJASAMA KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI

| i. Kerjasama pembangunan sosioekonomi | ii. Kerjasama pemuliharaan khazanah negara | iii. Kerjasama penyediaan perumahan rakyat | iv. Kerjasama menjamin keselamatan dan kedaulatan negara |
|---|---|---|---|
| 1. Pembangunan Tanah<br>• FELDA: Bantuan kewangan untuk buka tanah baru kepada negeri<br>• FELCRA: Menyatukan, memulih membangun tanah terbiar negeri.<br>• Pembangunan In-Situ: pembangunan fizikal desa seperti kemudahan asas.<br><br>2. Pembangunan Wilayah<br>• KEJORA, DARA, KEDA, KESEDAR,<br>• Membuka kawasan yang lebih luas/ membangun wilayah baru<br><br>3. Pembangunan Koridor Wilayah<br>• Seimbangkan pembangunan negeri dan wilayah<br>• Seperti NCER, ECER | 1. Pengurusan Taman Negara : Pengurusan hidupan liar dan taman negara<br>• Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 dikuatkuasakan<br>• Jabatan Mergastua atau PERHILITAN<br><br>2. Pengurusan Taman Laut<br>• Tubuhkan Jabatan Taman Laut Malaysia bagi pelihara khazanah | 1. Perumahan Awal Kemerdekaan. Rumah kos rendah<br><br>2. Program Perumahan Rakyat (PPR) - rumah awam<br><br>3. PKNS dan PKENP, PAKR pendapatan rendah<br><br>4. Majlis Perumahan Negara, perumahan mampu milik. Golongan pertengahan miliki rumah. Contoh PRIMA, Rumah Mesra Rakyat. | 1. Keselamatan negeri dan ketenteraman awam di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN)<br><br>2. Pertahanan negara di bawah Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) diselaras MKN<br>• RASCOM (1972) berjaya atasi komunis Bahagian ketiga Sarawak. 1995 dibubar.<br>• ESSCOM atasi pencerobohan pengganas Kepulauan Sulu di Lahad Datu tingkatkan keselamatan pantai timur Sabah |

Soalan: Terangkan kerjasama KP & KN dalam **PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI**




SOALAN: Terangkan kerjasama KP & KN dalam menyediakan **PERUMAHAN RAKYAT**



SOALAN: Terangkan kerjasama KP & KN dalam **PEMULIHARAAN KHAZANAH NEGARA**




SOALAN: Terangkan kerjasama KP & KN dalam menjamin **KESELAMATAN & KEDAULATAN NEGARA**



## BAB 4: SISTEM PERSEKUTUAN: MS 63-65

Malaysia merupakan sebuah negara Persekutuan

1. Nyatakan secara kronologi sejarah pembentukan Persekutuan negara kita.

   i. Persekutuan 1896
   ii. Majlis Mesyuarat Persekutuan 1927
   iii. Malayan Union 1946
   iv. PTM 1948
   v. PTM 1957
   vi. Pesekutuan Malysia 1963

2. Nyatakan tiga peringkat pembahagian kuasa pentadbiran Pesekutuan. [3M]

   i. Kerajaan Persekutuan
   ii. Kerajaan Negeri
   iii. Kuasa Bersama

3. Nyatakan empat bentuk kerjasama antara kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri? [3M]

   i. Kerjasama pembangunan sosioekonomi
   ii. Kerjasama pemuliharaan khazanah Negara
   iii. Kerjasama penyediaan perumahan rakyat
   iv. Kerjasama menjamin keselamatn dan kedaulatan negara

4. Bagaimanakah kerjasama pembangunan sosioekonomi dilaksanakan?

   i. Pembangunan tanah: FELDA, FELCRA
   ii. Pembangunan wilayah: DARA, KEDA
   iii. Pembangunan Koridor Wilayah: NCER, ECER, SJER

***RUJUK BUKU YAPEIM

## 4.4 FAKTOR MENGUKUH SISTEM PERSEKUTUAN

AUDIT FAKTA MS 63

1. Nyatakan faktor yang mengukuh sistem Persekutuan ? [2M]

   i. Keluhuran Perlembagaan
   ii. Penyelarasan kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri

2. Nyatakan tiga cara penyelarasan Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan Negeri? [3M]

   i. Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri
   ii. Majlis yang termaktub dalam Perlembagaan
   iii. Majlis yang ditubuh oleh kerajaan

3. Bagaimanakah keluhuran perlembagaan dapat mengukuh sistem Persekutuan ? [4M]

Keluhuran perlembagaan dapat mengukuh sistem Persekutuan melalui kedudukkan Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi negara

Seterusnya, undang-undang yang digubal Parlimen dan DUN tidak boleh bertentangan perlembagaan. Selain itu, Parlimen dan DUN tidak boleh menggubal undang-undang yang bercanggah antara satu sama lain.

Apabila berlaku ketidakselarasan undang-undang Persekutuan dengan Negeri, undang-undang Persekutuan mengatasi undang-undang Negeri.

# BAB 5:

## ANALISIS T5B5 SPMU 2024 DAN MODUL YaPEIM

| BIL | SUB TOPIK | SPMU 2024 | YaPEIM 2024 | MS MODUL |
|---|---|---|---|---|
| 5.1 | Konsep gagasan Malaysia [2021] | | | MS 67 |
| 5.2 | Perkembangan idea dan usaha pembentukan Malaysia [2021, 2022u] | 2024u/s3 | MS 67 | |
| 5.3 | Reaksi tempatan dan negara jiran terhadap pembentukan Malaysia. [2021, 2022u] | | | MS 68 |
| 5.4 | Langkah pembentukan Malaysia | | | MS 69 |
| 5.5 | Perjanjian Malaysia | | | MS 69 |
| 5.6 | Konfrantasi dan usaha menangani. [2023] | 2024u/s8 | MS 70 | |

BAB5 : PEMBENTUKAN MALAYSIA

****FOKUS 5.4, 5.5**

**SOALAN: RASIONAL / SEBAB / LOGIKNYA MALAYSIA DIBENTUK**



**CONTOH SOALAN DI BAWAH YG BOLEH MENGGUNAKAN JAWAPAN DI ATAS:**



**KUASAI FAKTA & JAWAB SOALAN STRUKTUR & ESEI BERKAITAN**

a) Jelaskan faktor yang membawa kepada pembentukan Malaysia. ( 4 markah )
SPM 2013 & 2019, SPMU 2022, SPMU 2023

c) Tindakan bijak Tunku Abdul Rahman membentuk Malaysia memberi kebaikan kepada rakyat negara kita hingga kini.
Berikan dua bukti untuk menyokong pernyataan di atas? (4 markah) SPM 2019

c) Pembentukan Malaysia beri nikmat kepada negara. Buktikan ( 4 markah )
SPM 2022

REAKSI TEMPATAN TERHADAP PEMBENTUKAN MALAYSIA






## LANGKAH PEMBENTUKAN MALAYSIA



## 5.4: langkah – langkah pembentukan Malaysia

Pelbagai usaha untuk merealisasikan penubuhan Malaysia .

1. Nyatakan secara kronologi usaha tersebut.

i. Lawatan
ii. JSKM
iii. Referendum Singapura
iv. Rundingan di London
v. Suruhanjaya Cobbold
vi. Jawatankuasa Antara Kerajaan
vii. Suruhanjaya PBB

2. Nyatakan tiga peranan JSKM. [3M]

i. Meyakinkan penduduk
ii. Sediakan ruang perbincangan
iii. Kumpulkan pandangan
iv. Sebarkan maklumat / mempercepatkan penubuhan Malaysia

3. Penubuhan Suruhanjaya Cobbold bukti pembentukan Malaysia dibuat dengan persetujuan rakyat. Buktikan

i. Suruhanjaya meninjau pandangan rakyat sebelum penubuhan Malaysia
ii. 2/3 penduduk menyokong dan
iii. Mengesyorkan agar perlembagaan PTM dijadikan asas perlembagaan baru
iv. Mencadangkan kuasa autonomi / jaminan khas Sarawak dan Sabah

4. JAK bertujuan menyediakan rangka perlembagaan dan melindungi kepentingan penduduk Sabah dan Sarawak. Buktikan

i. Merangka perlembagaan
ii. usulkan 18 perkara Swk dan 20 perkara SB
iii. dimasukkan ke Perlembagaan Persekutuan
iv. Bagi menjamin hak dan kepentingan rakyat
v. Bumiputera Sw / SB sama taraf orang Melayu
vi. Kuasa imigresen persekutuan, Sb, Sw autonomi
vii. Islam agama rasmi persekutuan kecuali SB,SW
viii. BM bahasa rasmi persekutuan, BI, SW,SB
ix. Pendidikan /persekutuan SB,SW kekalkan

**FOKUS INTIPATI PERJANJIAN MALAYSIA 1963:**

## 5.5 - INTI PATI PERJANJIAN MALAYSIA

| | |
|---|---|
| M | Malaysia dibentuk pada 31 Ogos 1963 |
| A | Ahlinya disertai PTM, Sarawak, Sabah & Singapura |
| L | Layakkan Sarawak, Sabah tubuh Kabinet Negeri |
| A | Agama Islam agama Persekutuan kecuali Sarawak dan Sabah |
| Y | Yang iktiraf Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Persekutuan kecuali Sarawak dan Sabah guna |
| S | Sarawak dan Sabah diiktiraf kedaulatan/ merdeka |
| I | Iktiraf hak bumiputera Sarawak dan Sabah imgresen & pendidikan autonomi |
| A | Agihan kerusi Parlimen Sarawak 24 kerusi , Sabah 16 kerusi & Singapura 15 kerusi |

Apakah nikmat yang didapati oleh Sarawak dan Sabah setelah menganggotai Malaysia?

**BAB 6: CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA**

****PENTING****

****TENGOK MODUL YAPEIM****

ANALISIS T5B6 SPMU 2024 DAN MODUL YaPEIM

| BIL | SUB TOPIK | SPMU 2024 | YaPEIM 2024 | MS MODUL |
|---|---|---|---|---|
| 6.1 | Cabaran dalaman Malaysia [2021s7a] | | | MS 72 |
| 6.2 | Pemisahan Singapura [2021s7b, 2022s8] | | | MS 73 |
| 6.3 | Menangani ancaman komunis | | ✓ | MS 72 |
| 6.4 | Isu pembangunan & ekonomi | | ✓ | MS 73 |
| 6.5 | Treagedi hubungan antara kaum [2023uS 8] | | ✓ | MS 74 |

BAB6 : CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA

**TERANGKAN BENTUK ANCAMAN KOMUNIS DI SEMENANJUNG & SARAWAK SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA**



## 6.3: MENANGANI ANCAMAN KOMUNIS

YANG MANA SATU TEPAT TINDAKAN MENANGANI KOMUNIS DI TANAH MELAYU [TM] DAN SARAWAK [S] SELEPAS PENUBUHAN MALAYSIA

| BIL | TINDAKAN MENANGANI KOMUNIS | TANAH MELAYU [TM] | SARAWAK [S] |
|---|---|---|---|
| 1 | Strategi Counterinsurgency [COIN] | ✓ | |
| 2 | Operasi Hammer | | ✓ |
| 3 | Akta Kesalamatan Dalam Negeri | ✓ | |
| 4 | Memagar sempadan | ✓ | |
| 5 | Operasi RASCOM | | ✓ |
| 6 | Perjanjian Kerjasama Sempadan | ✓ | |
| 7 | Operasi Letter Box | | ✓ |
| 8 | Operasi bersama Thailand | ✓ | |
| 9 | Perang Saraf | | ✓ |
| 10 | Perjanjian Hat Yai | ✓ | |

## T5 : 6.4 - ISU pembangunan dan ekonomi dalam Rancangan Malaysia Pertama (1966 - 1970)

**Ke**
- ✓ Kejatuhan harga getah
- ✓ Kemudahan kesihatan terhad
- ✓ Keperluan ibu mengandung
- ✓ Kebergantungan eksport getah dan bijih timah

**la**
- ✓ Kadar kelahiran dan kematian tidak normal

**Pe**
- ✓ Peluang pekerjaan terhad
- ✓ Pengangguran meningkat
- ✓ Petani guna teknologi rendah
- ✓ Pertanian komersial kurang
- ✓ Perbezaan taraf hidup




T5 BAB 6 : 6.4 - USAHA mengatasi isu pembangunan dan ekonomi
dalam Rancangan Malaysia Pertama ( 1966 - 1970 )
Peluang Kerja
✓ Usahakan pelbagai sawit dan koko
✓ Usaha cari ran baru bagi getah
02
✓ Anjurkan program Perancang Keluarga
04
B
U
K
A
01
03
PERANCANG KELUARGA
✓ Buka peluang pekerjaan
✓ Beri latihan vokasional & teknikal
✓ Bantuan Bank Dunia
✓ Kemudahan kesihatan dibaiki
✓ Kilang dan kawasan baru dibuka
✓ Kurangkan kadar kelahiran


T5B6: TRAGEDI HUBUNGAN ANTARA KAUM LANGKAH MENGATASI ms 129
PERLEMBAGAAN DIGANTUNG 1
MAKANAN DIBEKALKAN 2
STADIUM MERDEKA JADI PUSAT PERLINDUNGAN 3
DARURAT
PERINTAH BERKURUNG 4
BERITA DITAPIS 5
FAKE NEWS
PARLIMEN DITANGGUH 6
STOP
PARLIMEN MALAYSIA
Kempen pilihanraya, sentimen kaum, perarakan menang provokatif, PKM, ekonomi x seimbang




***Selepas RUSUHAN KAUM / 13 MEI 1969, Kerajaan menubuhkan MAGERAN untuk mengatasi 13 Mei.*

## 6.5 TRAGEDI HUBUNGAN ANTARA KAUM 13 MEI 1969 SPMU2023/T5B6

5 Tarikh 13 Mei 1969 tercatat di dalam sejarah negara sebagai hari tragedi nasional.

(a) Nyatakan faktor yang menyebabkan peristiwa 13 Mei 1969.(4M)

Peristiwa 13 Mei berlaku kesan ketidakseimbangan ekonomi dan sosial antara kaum. Selain itu, berlaku ketegangan kaum kesan kempen pilihan raya yang mengeksploitasi sensitiviti kaum oleh parti politik. Seterusnya PKM mengambil kesempatan mewujudkan permusuhan antara kaum.

## 6.5 TRAGEDI HUBUNGAN ANTARA KAUM 13 MEI 1969 SPMU2023/T5B6

5 Tarikh 13 Mei 1969 tercatat di dalam sejarah negara sebagai hari tragedi nasional.

(b) Jelaskan usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi menangani tragedi tersebut. (8M)

Usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi menangani tragedi tersebut dengan mengisytiharkan darurat pada 16 Mei 1969. Seterusnya berita ditapis dan perlembagaan digantung manakala Parlimen di tangguh.

Selain itu, pusat perlindungan ditubuh dan polis menguatkuasakan perintah berkurung. Penduduk tidak dibenarkan keluar serta berada di rumah dan bekalan makanan disediakan.

**LATIHAN KBAT:**

## 6.5 TRAGEDI HUBUNGAN ANTARA KAUM 13 MEI 1969 SPMU2023/T5B6

(c) Baca maklumat dalam petikan berikut.

> Pengajaran yang kita dapat dari kekacauan itu sudah nyata. Negara ini tidak sanggup mengekalkan suatu sistem yang membiarkan sebarang orang bertutur atau bertindak yang mungkin melagakan satu kaum dengan kaum yang lain. Hal-hal yang mungkin menimbulkan ketegangan kaum oleh golongan yang tidak bertanggungjawab. Haluan negara kita mestilah direncanakan dengan usaha-usaha yang bersatu dari semua golongan rakyat Malaysia yang taat setia.
>
> Sumber : Diubahsuai daripada laporan Tragedi 13 Mei 1969, Tun Abdul Razak.

Huraikan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut

Maklumat dalam petikan berkaitan pengajaran yang didapati daripada kekacauan kaum 13 Mei 1969. Oleh itu, kerajaan tidak membiarkan orang bercakap atau bertindak yang akan melagakan antara kaum. Hal ini kerana, golongan yang tidak bertanggungjawab ini akan menyebabkan ketegangan kaum. Justeru,negara kita mestilah merancang usaha untuk menyatukan semua golongan rakyat Malaysia yang taat setia. Kesannya akan mengwujudkan masyrakat yang hidup bersatu dengan aman dan selamat. [Inferens]

## PELBAGAI TEKNIK MENJAWAB KBAT

C) Bagaimanakah cara untuk menjadikan negara dan bangsa lebih cemerlang? [4m]

**Contoh 1**
Cara untuk menjadikan negara dan bangsa kita lebih cemerlang adalah dengan menyatukan rakyat. √ Selain itu, melahirkan rakyat yang berpendidikan tinggi. Seterusnya menjadi bangsa yang rajin berusaha dan berdisiplin.

Jawapan ini mengandungi 4 ayat topik. [Markah 4/4] struktur

**Contoh 2**
Cara untuk menjadikan negara dan bangsa lebih cemerlang adalah dengan melahirkan bangsa yang berpendidikan tinggi bagi mengisi keperluan tenaga mahir. Seterusnya menjadi bangsa yang rajin berusaha untuk memajukan negara

Jawapan ini mengandungi 2 ayat topik dan 2 huraian. Markah4/4 struktur

**Contoh 3 [ jawapam Holistik]**
Cara untuk menjadikan negara dan bangsa lebih cemerlang adalah dengan mengamalkan prinsip Rukun Negara yang merupakan ideologi negara. Contohnya dengan berpegang kepada prinsip kedaulatan undang-undang. Justeru, penghayatan prinsip ini akan melahirkan masyarakat yang berdisiplin dan hidup bersatu. Kesannya negara akan aman dan rakyat dapat bersama-sama membangunkan ekonomi demi kemakmuran negara.

Merangka jawapan

| AYAT TOPIK | AYAT HURAI | AYAT CONTOH | AYAT KESAN/INFERENS |
|---|---|---|---|
| Rukun Negara | Ideolog negara, berdisiplin, bersatu | kedaulatan undang-undang | Aman, bersama-sama, kemakmuran |

Jawapan ini mengandungi 1 ayat topik, 3 hurai, 1 contoh dan 3 inferens Markah 8/4 maksima 4/4/ 8/8

**AYAT TOPIK = FAKTA**

**BIRU = FAKTA / MERAH = HURAIAN**

---

## BAB 7: MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA

**Berikan cadangan untuk mengekalkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia [8 markah]**

**7.2 Pendidikan**

**7.3 Bahasa Melayu**

**7.4 Kebudayaan**

**7.5 Sukan**

**7.6 Rukun Negara**



**FOKUS: LAPORAN RAHMAN TALIB / KAJIAN AMINUDIN BAKI / JAWATANKUASA KABINET**




**JAWAPAN: TERANGKAN LAPORAN RAHMAN TALIB:**




7.2 DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN
Laporan Rahman Talib 1960 telah ditambahbaik melalui Kajian Aminuddin Baki.
Apakah kesan kajian tersebut?
BAPA PENDIDIKAN MALAYSIA
Memperkenalkan Sejarah Islam kepada guru-guru pelatih di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Terlibat dalam penggubalan dasar pelajaran seperti Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960. Beliau juga memainkan peranan besar dalam memberikan kedudukan kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan peranan Bahasa Melayu dalam pendidikan. Mewujudkan Sijil Rendah Pelajaran (SRP), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM).
"Jangan biarkan ayam di kepuk mati kelaparan, itik di air mati kehausan."
AMINUDDIN BAKI

**JAWAPAN:**


T5 B7 : 7.2 - DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN – Kajian AMINuddin Baki
A - ANEKA JURUSAN persekolahan
M - Menawarkan KURSUS KEMAHIRAN
M - Melahirkan TENAGA KERJA MAHIR
M - Memenuhi PASARAN KERJA
M - Mewujudkan SEKOLAH KEBANGSAAN
I - Inginkan GABUNGKAN SEMUA KAUM
N - Nak memupuk PERPADUAN KAUM
TAWARAN PROGRAM KEMAHIRAN
TAWARAN KERJAYA LEPASAN
TVET
DIPERLUKAN SEGERA!
PERPADUAN KAUM ADALAH KUNCI UTAMA KEHARMONIAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT DAN NEGARA




***FOKUS BAHASA MELAYU**



4. Bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Pelbagai langkah dilaksanakan untuk memartabatkan bahasa kebangsaan.

(a) Nyatakan dua langkah yang diambil kerajaan untuk mengukuhkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. [ 2 markah ]

i. Mahkamah menggunakan bahasa Melayu dan bahasa rasmi pentadbiran negara
ii. Menubuhkan UKM dan Sekolah Alam Shah serta Bahasa Melayu wajib lulus SPM

(b) Jelaskan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. [ 4 markah ]

Peranan DBP ialah menerbitkan buku, majalah dan galakkan aktiviti bahasa serta menganjurkan Minggu dan Bulan Bahasa. Selain itu, mewujudkan slogan Bahasa Jiwa Bangsa serta memupuk perpaduan bangsa melalui bahasa.

(c) Beri ulasan anda berdasarkan petikan di bawah. [ 4 markah ]

> " Tempoh lebih 60 tahun negara merdeka harus mematangkan kita. Kita tidak boleh berbahas lagi soal bahasa daripada suku kaum. Tugas kita sekarang adalah memartabatkan bahasa Melayu, mengangkat kedudukannya. Ini tanggungjawab pimpinan dan sebab itu kita nak pastikan penggunaan bahasa Melayu bukan untuk bahasa pengantar semata-mata."
>
> Berita Harian 7 September 2019

**DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN:**



4. Penggubalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan penting bagi sesebuah negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum seperti Malaysia. Sumber: www.pmo.gov.my

(a) Nyatakan dua prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan. [ 2 markah ]

i. Islam menjadi unsur penting dan berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau Melayu

ii. Unsur kebudayaan lain yang sesuai diterima

(b) Jelaskan usaha bagi menjayakan Dasar Kebudayaan Kebangsaan di negara kita. [ 4 markah ]

Usaha menjayakan Dasar Kebudayaan Kebangsaan di negara kita ialah dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan dan Istana Budaya. Selain itu, adanya program Citrawarna Malaysia yang memperagakan pakaian, tarian, nyanyian rakyat Malaysia serta libatkan rakyat pelbagai kaum dan budaya dan adanya tokoh seperti Azah Aziz

4. Penggubalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan penting bagi sesebuah negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum seperti Malaysia. Sumber: www.pmo.gov.my

(c) Teliti gambar berikut.

STIMULUS



Huraikan mesej yang terkandung dalam gambar tersebut. [ 4 markah ]

Mesej yang terkandung dalam gambar ialah masyarakat terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik. Selain itu, kepelbagaian menjadikan Keluarga Malaysia unik dan semua perbezaan diraikan dan dihormati. Seterusnya, pelbagai kaum mampu bersatu melalui budaya. Kesannya, imej negara meningkat melalui budayanya yang tersendiri.

# BAB 8:

# TENGOK 8.3 & 8.4

LATAR BELAKANG DPN:




STRATEGI DPN:



*****FOKUS PELAKSANAAN DPN:*****




## CONTOH SOALAN & JAWAPAN:

8. Dasar Pembangunan Nasional (DPN), menandakan bermulanya satu lagi era baru di dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Sumber: pmo.gov.my

(a) Jelaskan latar belakang DPN. [ 4 markah ]

Latar belakang DPN ialah dilancarkan oleh Tun Dr Mahathir dan merupakan kesinambungan DEB untuk tempoh 10 tahun (1991-2000). Matlamat dasar ini ialah mencapai perpaduan negara melalui pengagihan kekayaan dan pembangunan seimbang antara negeri melalui RMK 6 dan RMK 7 untuk mencapai taraf negara maju.

(b) Huraikan usaha kerajaan dalam pelaksanaan DPN. [ 8 markah ]

Usaha pelaksanaan DPN ialah pertama dengan membasmi kemiskinan dan beri subsidi kepada petani dan nelayan serta latihan kemahiran di Giatmara. Kedua ialah susun semula masyarakat seperti memberi lesen perniagaan dan galakkan guna teknologi moden dalam perniagaan serta penyertaan aktif bumiputera dalam IKS. Ketiga ialah susun semula modal saham melalui program penswastaan syarikat seperti MARA dan PERNAS. Pelaksanaan keempat ialah melalui pembangunan wilayah untuk tingkatkan integrasi ekonomi dengan meningkatkan peranan MARDI serta konsep pertanian pintar seperti menggunakan dron dalam pertanian.

# BAB 9:

UNTUK SOALAN MATLAMAT & FAKTOR PENGGUBALAN DASAR LUAR MALAYSIA = JAWAPAN SAMA SAHAJA




## FOKUS 9.5: CABARAN MENGUKUHKAN DASAR LUAR MALAYSIA



**CABARAN MENGUKUHKAN DASAR LUAR MALAYSIA:**




**MALAYSIA DALAM KOMANWEL:**



**Contoh soalan:**

9. Malaysia merupakan negara yang proaktif dalam Komanwel.

(a) Apakah manfaat yang diperolehi oleh Malaysia melalui pertubuhan tersebut. [ 6 markah ]

Manfaat yang diperolehi oleh Malaysia melalui pertubuhan Komanwel ialah telah diberi peluang menganjur Sukan Komanwel 1998 dan wujudnya kerjasama pertahanan serta memajukan ekonomi antara negara anggota melalui cukai barangan yang rendah. Selain itu, Malaysia telah menjadi tuan rumah Mesyuarat CHOGM dan berpeluang memperjuangkan hak asasi manusia seperti dasar apartied sehingga Afrika Selatan disingkirkan daripada Komanwel.

(b) Tindakan proaktif Malaysia dalam pertubuhan antarabangsa sering menguji dasar luar Malaysia. Bagaimanakah Malaysia mengatasi cabaran tersebut. [ 6 markah ]

Malaysia mengatasi dalam mengukuhkan dasar luarnya dengan cara mengamalkan dasar berkecuali serta menjalin hubungan luar tanpa mengira ideologi contohnya China. Selain itu, Malaysia telah menandatangani perjanjian pertahanan FPDA dan membuat latihan bersama serta bekerjasama dengan ASEAN memperkuatkan keselamatan serantau. Seterusnya ialah Malaysia telah menandatangani perjanjian sempadan dengan Thailand 1965 bagi menangani isu keselamatan.

**ASEAN:**

***LATAR BELAKANG***

**Peta berikut berkaitan Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN)**
**(a) Berdasarkan peta dan pengetahuan sejarah anda, jelaskan tentang sejarah penubuhan ASEAN.** **[4 markah]**




**Sejarah penubuhan ASEAN ialah pada peringkat awal hanya disertai 5 buah negara iaitu Malaysia, Indonesia, Singapura, Filipina dan Thailand. Seterusnya, ASEAN menerima keanggotaan negara Brunei, Myanmar, Laos, Kemboja dan Vietnam. Selain itu, ASEAN telah ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 untuk meningkatkan semangat setia kawan negara ASEAN dan mewujudkan keamanan negara ASEAN serta kerjasama politik, ekonomi dan sosial. Sejarah penubuhan ASEAN dimulai dengan penubuhan ASA yang melibatkan Malaysia, Thailand dan Filipina dan MAPHILINDO untuk selesai isu pembentukan Malaysia.**

## PERANAN / PELIBATAN MALAYSIA DALAM ASEAN




SOALAN KBAT:


(c) Deklarasi Zon Aman Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) diumumkan pada tahun 1971 di Kuala Lumpur. Pada pendapat anda, mengapakah ZOPFAN penting kepada ASEAN? [ 4 markah ]

ZOPFAN penting kepada ASEAN kerana menjadikan ASEAN negara bebas dan berkecuali dan tidak memihak kepada mana kuasa besar dunia serta menjalin hubungan dengan semua negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat, Rusia, China. Kesannya rantau ASEAN selamat daripada persaingan kuasa besar. Hal ini menjamin kestabilan dan kemakmuran rantau Asia Tenggara.

## NAM / PERGERAKAN NEGARA-NEGARA TANPA PIHAK:



**MALAYSIA DALAM OIC / PERTUBUHAN NEGARA ISLAM**




**CONTOH SOALAN & JAWAPAN:**

9. Jadual berkaitan pertubuhan antarabangsa yang disertai Malaysia setelah mencapai kemerdekaan.

| Pertubuhan | Tahun keanggotaan |
|---|---|
| Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) | 1969 |
| Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM) | 1970 |

(a) Apakah kesan keanggotaan Malaysia dalam NAM? [ 6 markah ]

Kesan keanggotaan Malaysia dalam NAM ialah menamatkan dasar probarat dan mengubah kepada dasar berkecuali. Hal ini membolehkan Malaysia menjalinkan hubungan terbuka dengan pelbagai pihak tanpa mengira ideologi. Ini terbukti apabila Malaysia menjalinkan hubungan diplomatik dengan China. Selain itu, Malaysia menekankan prinsip neutral, aman, bebas dan berkecuali supaya kuasa besar tidak campur tangan dalam urusan negara lain.

(b) Terangkan pelibatan Malaysia demi keamanan dan kesejahteraan dunia melalui OIC. [ 6 markah ]

Pelibatan Malaysia demi keamanan dan kesejahteraan dunia melalui OIC ialah dengan menjadi peneraju kepada perbankan Islam sehingga tertubuhnya Bank Islam. Selain itu, Malaysia lantang memperjuangkan hak rakyat Palestin dan memperjuangkan kepentingan umat Islam serta memajukan ekonomi negara Islam. Seterusnya sumbangan Malaysia dalam pendidikan melalui penubuhan UIAM dan beri biasiswa kepada pelajar negara OIC. Akhir sekali, menjadi perantara konflik Iran -Iraq serta menentang keganasan dan mementingkan kesederhanaan.

**BAB 10:**

- PERTINDIHAN SEMPADAN
- KOMUNITI ASEAN
- ZON BEBAS SENJATA NUKLEAR